

07/01/1997

Perwaja: Lion masih ada peluang

KUMPULAN Lion masih berpeluang memiliki ekuiti dalam Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan masih memiliki 49 peratus ekuiti dalam Perwaja (termasuk 19 peratus oleh Kerajaan Terengganu) yang boleh diagihkan kepada mereka yang berminat.

"Lion masih boleh sertai kalau ia hendak kerana kita terbuka.

"Ekuiti 49 peratus masih dengan kerajaan Pusat dan negeri.

"Ini kita boleh agih kepada sesiapa yang berminat," katanya kepada pemberita selepas majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Simposium Kebangsaan MS ISO 9000 di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menanggung segala hutang dan kerugian Perwaja bagi membolehkan Maju Holdings yang terbabit dalam pengambilalihan 51 peratus ekuiti dalam Perwaja, bermula tanpa menanggung sebarang hutang.

"Kerajaan akan mencari sumber dana untuk membayar hutang berkenaan," katanya.

Rabu lalu, Dr Mahathir mengesahkan Maju Holdings yang terbabit dalam pengambilalihan 51 peratus ekuiti dalam Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja) tidak akan dibebankan dengan hutang yang ditanggung oleh syarikat keluli milik kerajaan itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang berpendapat Maju perlu meneruskan usaha menguruskan Perwaja tidak harus menanggung hutang sedia ada kerana tindakan membebarkannya dengan hutang yang banyak menyebabkan Maju terpaksa menanggung hutang sampai bila-bila.

Perwaja kini menanggung kerugian RM6 bilion.

(END)